

18/06/2002

Lebih 10,000 dijangka ke PWTC

KUALA LUMPUR, Isnin - Lebih 10,000 termasuk perwakilan dan pemerhati Umno dijangka mengunjungi Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) setiap hari sepanjang Perhimpunan Agung Umno bermula Khamis ini.

Ketua Eksekutif Putra World Trade Center, Datuk Yaakob Mohammad, berkata pihaknya menambah 500 kakitangan keselamatan, termasuk polis bagi menghadapi sebarang kejadian yang tidak diingini.

Beliau berkata, pertambahan jumlah pengunjung tahun ini, terutama dari kalangan Puteri Umno memerlukan PWTC memperuntukkan skrin besar di beberapa lokasi tertentu bagi membolehkan semua perwakilan mendengar amanat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 20 Jun ini.

"Dewan Merdeka hanya boleh memuatkan 5,000 perwakilan dan pemerhati, tetapi perhimpunan kali ini kita akan buka Dewan Tun Ismail bagi membolehkan perwakilan serta pemerhati yang tidak dapat tempat di Dewan Merdeka mendengar amanat Presiden Umno melalui skrin besar yang dipasang di situ," katanya pada taklimat persiapan Perhimpunan Agung Umno, di PWTC pagi ini.

PWTC dengan kerja sama ibu pejabat Umno turut menyediakan lebih 4,200 beg perwakilan parti yang menghadiri semua persidangan dan konvensyen kali ini. Sebanyak 2,033 beg biru disediakan untuk perwakilan Umno.

Perwakilan Pemuda disediakan beg berwarna kelabu, manakala Pergerakan Wanita berwarna merah hati dan merah samar bagi perwakilan yang menghadiri Konvensyen Puteri Umno.

Yaakob yang baru dua bulan dilantik sebagai Ketua Eksekutif PWTC berkata, tumpuan ahli serta semua aktiviti keraian perwakilan Umno hanya diadakan di premis PWTC.

"Sehubungan itu, sepanjang perhimpunan, PWTC memberi potongan harga berpatutan bagi makanan untuk kemudahan perwakilan dan pemerhati," katanya.

Beliau berkata, walaupun menerima 600 permohonan bagi jualan gerai terbuka di tingkat dua PWTC, hanya 280 gerai dibenarkan beroperasi yang dikendalikan ahli Umno dari seluruh negara yang menawarkan pelbagai jualan menarik.

Katanya, berikutan pertambahan jumlah perwakilan dan tumpuan aktiviti majlis keraian hanya di PWTC, bahagian dapur menyediakan lebih 100,000 hidangan termasuk sarapan, minuman pagi, makan tengah hari, minuman petang dan makan malam.

Tahun lalu, PWTC hanya menyediakan 52,000 set makanan. Antara yang akan dijadikan hidangan ialah 3,500 kilogram daging lembu beku, 4,600 kilogram daging ayam, 600 kilogram udang, 3,500 kilogram ikan tenggiri, 1,200 kilogram ikan merah, 250 kilogram sotong segar, 5,200 kilogram beras dan 7,000 biji telur.

(END)